

**Hentikan perhimpunan haram
Utusan Online
02 Mei, 2012
Oleh ANGELINA SINYANG**

KUALA LUMPUR 1 Mei - Para peniaga di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini yang mengalami kerugian besar semasa perhimpunan Bersih 3.0 pada Sabtu lalu, meminta pemimpin pembangkang khususnya Datuk Seri Anwar Ibrahim berhenti menganjurkan perhimpunan haram yang banyak menyusahkan rakyat dan negara.

Rata-rata peniaga di kawasan berkenaan mengakui mereka akan hilang pendapatan setiap kali berlaku perhimpunan anjuran pembangkang kerana orang ramai tidak berani keluar untuk membeli-belah pada hari berkenaan.

Pemilik kedai gambar di pusat beli-belah Kompleks Pertama, **Ikhlas Ridzuan**, 49, berkata, pengalaman pahit hilang punca pendapatan bukan hanya berlaku semasa perhimpunan Bersih 3.0 pada Sabtu lalu tetapi sudah lama iaitu sejak tercetusnya reformasi Anwar Ibrahim pada 1998.

"Sejak itu, Anwar yang menjadi Ketua Pembangkang tidak berhenti-henti menganjur dan menyokong perhimpunan haram tanpa memikirkan kesannya kepada peniaga seperti kami.

"Setiap kali ada reformasi atau demonstrasi, orang ramai akan takut keluar untuk membeli-belah menyebabkan kami hilang sumber pendapatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui semasa mengiringi Presiden Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (Ikhlas), Mohd. Ridzuan Abdullah membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi, di sini hari ini.

Beliau berharap pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap Anwar dan rakan sekutunya yang terlibat dalam Bersih 3.0 bagi mengelak mereka terus mengugat keselamatan negara dengan membuat perhimpunan sama pada masa hadapan.

"Perbuatan Anwar memang menyusahkan. Jika dibiarkan, saya kawatir beliau bersama penyokongnya akan menjadikan perhimpunan Bersih sebagai acara tahunan dalam 'kalendar pelancongan,' ujarnya yang sudah 36 tahun berniaga di Kompleks Pertama.

Seorang lagi peniaga, **Hasmizi Abu Hashim** berkata, setiap kali selepas berlangsung perhimpunan, mereka yang berniaga di Jalan Tuanku Abdul Rahman memerlukan masa lama untuk memulihkan perniagaan.

Hasmizi yang juga Timbalan Presiden Ikhlas berkata, perniagaan mereka akan merosot beberapa hari sebelum perhimpunan dan berbulan-bulan selepas itu kerana orang ramai masih fobia untuk keluar membeli-belah, malah mereka juga kadang kala terpaksa menanggung kerugian untuk membaiki kerosakan kedai.

Pemilik kedai pakaian, **Azhar Abdul Ghani**, 49, kesal dengan apa yang dilakukan oleh peserta Bersih 3.0 kerana tindakan mereka menyusahkan semua pihak dan mengugat keselamatan orang awam.

"Peniaga di Jalan Tuanku Abdul Rahman menyokong tindakan Ikhlas membuat laporan polis hari ini dan memohon pihak berkuasa segera mengambil tindakan tegas terhadap pihak bertanggungjawab dalam perhimpunan tersebut.

"Mereka ini langsung tidak menghormati undang-undang, kedaulatan dan perlembagaan negara. Adakah ini bakal pemimpin yang patut dipilih oleh rakyat?," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0502&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_08.htm